

KERATAN AKHBAR BULAN SEPTEMBER 2022
LAIN-LAIN MEDIA

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN SEPTEMBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	08.09.2022	Two Remanded In RM10 Mil Grift Probe Linked To Construction Work Project For A Public Transport System	The Edge CEO Brief	2
2.	08.09.2022	Dua Individu Direman Bantu Siasatan Kes Rasuah Lebih RM10 Juta	Sinar Harian	3
3.	13.09.2022	Nafi Tuntut RM12,488 – Pensyarah Dituduh Buat Tuntutan Palsu	Harian Metro	4
4.	19.09.2022	Ada Petunjuk Curi Data Penyata Gaji	Sinar Harian	5
5.	28.09.2022	Mindef Tambah Dua Lagi Hospital Medan	Sinar Harian	6
6.	28.09.2022	Bekas Pegawai Khas Palsu Slip Gaji	Kosmo	7
7.	29.09.2022	4 Pertuduhan Terima Suapan	Harian Metro	8
8.	29.09.2022	Makan Suap RM400, Kena Denda RM3,000 – Bekas Pengarah AADK Melaka Mengaku Bersalah	Kosmo	9
9.	29.09.2022	Bekas Pegawai Kanan Pos Nafi Makan Suap – Didakwa Terima Suapan RM248,000 Selama Dua Tahun	Kosmo	10

The Edge CEO Morning Brief | 8 September 2022 | Page 8

PUTRAJAYA (Sept 7): A financial manager and the head of the marketing department of a company were remanded for three days starting Wednesday (Sept 7) to assist the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) in an investigation into a case of bribery amounting to more than RM10 million to facilitate the takeover of a construction work project for a public transport system.

The remand order was issued by magistrate Izra Zulaikha Rohanuddin, after granting the MACC's application to remand the woman and man, both in their early 40s, at the Putrajaya Magistrate's Court here on Wednesday.

According to an MACC source, the duo were arrested at the MACC headquarters here at about 9.30pm on Tuesday, when they came to give their statements.

The source said the female suspect, who is the financial manager, is believed to have paid bribes to facilitate the acquisition of work involving the project from another company to the company she works for.

The woman responsible for paying the money is believed to have done so without complying with the company's

Two remanded in RM10 mil graft probe linked to construction work project for a public transport system

Bernama

financial and procurement procedures.

The source added that the male suspect is suspected of making payments to six different individuals and entities that are suspected to be fake. MACC investigations division senior director Datuk Seri Hishamuddin Hashim, when contacted, confirmed the arrest of the two individuals to assist the commission in the investigation under Section 16 of the MACC Act 2009.

The Section deals with offences and penalties for soliciting, accepting or offering bribes for the benefit of oneself or others.

Sinar Harian | 8 September 2022 | Page 14

Dua individu direman bantu siasatan kes rasuah lebih RM10 juta



Kedua-dua suspek direman tiga hari untuk membantu siasatan.

SHAH ALAM - Pengurus kewangan dan ketua bahagian pemasaran sebuah syarikat ditahan bagi membantu siasatan pemberian rasuah lebih RM10 juta melibatkan urusan pengambilalihan kerja projek pembinaan sistem pengangkutan awam.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya semasa hadir memberi ke-

terangan sekitar jam 9.30 malam Selasa.

"Suspek wanita yang merupakan pengurus kewangan dipercayai melakukan pembayaran rasuah berjumlah lebih RM10 juta bagi memudahkan urusan dan kelulusan pengambilalihan kerja melibatkan projek berkenaan daripada sebuah syarikat lain kepada syarikat suspek bekerja.

"Manakala suspek lelaki yang me-

rupakan ketua bahagian pemasaran syarikat sama pula disyaki membuat pembayaran kepada enam individu dan entiti berbeza disyaki palsu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan tersebut dan kedua-dua suspek berusia 40-an itu direman tiga hari bermula Rabu.

Harian Metro | 13 September 2022 | Page 23

Bernama

Kuala Lumpur

Seorang pensyarah sebuah universiti awam didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas sembilan pertuduhan membuat tuntutan palsu membabitkan bayaran sewa kenderaan dan pembelian peralatan geologi berjumlah RM12,488, empat tahun lalu.

Jasmi Hafiz Abdul Aziz, 45, mengaku tidak bersalah, selepas kesemuas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut tujuh pertuduhan, lelaki itu sebagai pensyarah kanan didakwa memperdayakan Jabatan Benda-hari, Universiti Malaya (UM) dengan menggunakan tujuh tuntutan perjalanan palsu berkenaan bayaran sewa tiga jenis kenderaan antara 24 April 2018 hingga 29 Julai 2019, sedangkan sewaan itu tidak dibuat.

Bapa kepada seorang anak itu juga didakwa atas dua pertuduhan memperdayakan Jabatan Benda-hari, UM dengan membuat dua resit palsu berkaitan pembelian peralatan geologi bertarikh 19 Jan 2019 dan 23 Mac 2019, sedangkan pembelian tidak dibuat.

Kesemuua perbuatan itu dilakukan di Jabatan Geologi, Fakulti Sains, UM, antara 29 Mei 2018 hingga 23 Ogos 2019, mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mala-sia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24 (i) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali



PENSYARAH DITUDUH BUAT 9 TUNTUTAN PALSU

Nafi tuntut RM12,488

ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalan.

Sementara itu, Jasmi Hafiz mengaku tidak bersalah atas sembilan pertuduhan pilihan iaitu menggunakan tujuh resit bayaran sewa tiga kenderaan yang sama dan dua resit membeli peralatan serupa sebagai tulen, sedangkan dia mengetahui resit itu palsu.

Beliau didakwa melakukan kesemuua kesalahan itu di lokasi dan tarikh sama, mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah

wah Seksyen 465 kanun sama, yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalan.

Timbalan Pendakwa Raya Abd Muntaqim Abdul Aziz mencadangkan jaminan RM100,000 dengan seorang

penjamin, berserta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan selain menyerahkan pasport kepada mahkamah dan dilarang mengganggu saksi dalam saksikan.

Peguam Wan Shahrizal Wan Ladin yang

Tertuduh diikat jamin RM20,000 bagi kesemuua pertuduhan

mewakili tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya yang masih berkhidmat sebagai pensyarah, menanggung isiteri serta seorang anak dan memberikan kerjasama penuh sepanjang siasatan dijalankan.

Rozina membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 bagi kesemuua pertuduhan berserta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan, selain menyerahkan pasport kepada mahkamah dan dilarang mengganggu saksi dalam kes berkenaan.

Mahkamah menetapkan 18 Oktober untuk sebutan semula kes.

Ada petunjuk curi data penyata gaji

Siasatan rancak djalankan dan kenyataan lanjut akan dibuat Agensi Keselamatan Siber Negara

Oleh ADILA SHARINNI WAHID KOTA BHARU

Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap penggodam berdasarkan petunjuk yang diperoleh berhubung pencerobohan sistem penyata gaji (ePenyata Gaji) penjawat awam.

Meni Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, siasatan kecurian data dalam sistem itu rancak djalankan dan kenyataan lanjut akan dibuat oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).

"Kerjasama pelbagai agensi terlibat dalam penyelesaian kecurian data tetapi dalam perkara ini

kami bersetuju supaya tidak banyak pihak yang mengeluarkan kenyataan agar tidak mengganggu penyiasatan yang sedang rancak djalankan.

"Hanya NACSA akan mengumumkan sebarang perkembangan. Cuma boleh dimaklumkan, kami mendapat petunjuk tertentu dan tindakan susulan sedang dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Sesi Pengagihan PerantiSiswa Keluarga Malaysia di Kolej Matrikulasi Kok Lanas di sini pada Ahad.

Beliau memaklumkan terkini ada lagi kes membabitkan kehilangan data di peringkat agensi dan jabatan manakala Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) memberikan perkhidmatan penyiasatan secara forensik agar siasatan terperinci dapat djalankan.

"Kerajaan memandang serius kes ketirisan dan kecurian data secara berterusan yang menjadi fenomena.

"Kerangka kerja sedang dibentuk untuk memperbaiki dan mengekang masalah berkaitan keselamatan siber termasuk scanner serta ketirisan data-



Annuar (belakang, lima dari kiri) bergambar dengan penerima PerantiSiswa Keluarga Malaysia di Kolej Matrikulasi Kok Lanas, Kota Bharu pada Ahad.

data awam dan individu," katanya.

Akhbar sebelum ini menedahkan penggodam menggelarkan diri mereka dari organisasi keselamatan siber *gray hat* mendakwa menceroboh ePenyata Gaji penjawat awam bagi menunjukkan kelemahan sistem itu.

Kumpulan tersebut mendakwa dapat mengakses lebih sejuta baris identiti melalui pangkalan data sistem terbabit dalam format

JavaScript Object Notation (JSON) dan Comma-Separated Values (CSV).

Antara maklumat peribadi yang diakses termasuk nama penuh, nombor MyKad, jawatan, jabatan, nombor slip gaji, nombor telefon bimbit, dan alamat e-mel selain mengekstrak hampir dua juta slip gaji dan borang cukai dalam format PDF dengan jumlah saiz fail 188.75GB.

Annuar berkata, penceroboh-

an data membabitkan institusi dan kementerian termasuk ePenyata Gaji adalah di bawah bidang kuasa NACSA dan ramai salah faham berkaitan bidang kuasa perkara tersebut.

"Kalau berlaku kecurian data peribadi kelolaan syarikat atau swasta adalah termasuk di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi yang dikelolakan oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi di bawah K-KOMM," katanya.

SINAR HARIAN/28 SEPTEMBER 2022/RABU/MUKA SURAT :12

Mindef tambah dua lagi hospital medan

Bagi menghadapi sebarang bencana dan kecemasan melibatkan kos keseluruhan RM47 juta

KUALA LUMPUR

Kementerian Pertahanan akan melaksanakan perolehan dua unit hospital medan tambahan melibatkan kos keseluruhan RM47 juta bagi menghadapi sebarang bencana dan kecemasan.

Menyertai lawatan ke Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan pada Selasa, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, langkah itu penting sebagai persediaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengatur gerak lebih banyak hospital medan sekiranya diperlukan termasuk ketika musim tengkujuh ini.

"Kementerian Pertahanan kini dalam tahap kesiapsiagaan yang tinggi untuk membantu agensi-agensi berkaitan dan menunggu arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan di sini pada Selasa.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

Semasa negara berdepan pandemik Covid-19, ATM mengoperasikan 10 hospital medan di seluruh negara bagi membantu merawat pesakit.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, kementerian akan menaik taraf perkhidmatan dan kemudahan



FOTO: BERNAMA

Hishammuddin (tiga dari kanan) bersama Khairy (tengah) melihat fasiliti di bilik pembedahan bergerak ketika membuat lawatan ke Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan pada Selasa.

kesihatan miliknya dengan kesemua lima HAT bakal melalui proses selenggaraan dan penambahbaikan.

Beliau berkata, ia melibatkan perbelanjaan RM30.66 juta untuk bekalan ubatan, RM4.67 juta bagi menambahbaik peralatan perubatan dan RM2.6 juta bagi selenggaraan bangunan.

Selain itu, Hishammuddin berkata, pihaknya menerima laporan mengenai HAT Kem Terendak yang memerlukan perhatian lebih daripada selenggaraan biasa serta telah mengarahkan supaya proses tender pembinaan HAT Kem Terendak baharu dengan kos RM325 juta disegerakan.

Menurutnya, 19 Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), 48 Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) dan 40 Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) juga akan melalui

proses selenggaraan dan penambahbaikan melibatkan kos RM61 juta untuk ubatan serta peralatan perubatan dan RM13.3 juta untuk penyelenggaraan.

Katanya, 50 unit ambulans medan turut dibeli pada kos RM27 juta yang dijangka diterima pada Disember ini.

Hishammuddin berkata, secara keseluruhan, pihaknya amat menghargai kerjasama semua pihak termasuk Kementerian Kesihatan dalam memperkasa inisiatif kesihatan ATM.

"Saya sendiri akan melakukan tinjauan ke HAT dan fasiliti kesihatan ATM di seluruh negara secara berkala demi memastikan semua kerja penambahbaikan ini berjalan lancar demi kepentingan warga pertahanan termasuk veteran ATM serta ahli keluarga mereka," katanya. - Bernama

Kosmo! RABU 28 SEPTEMBER 2022

Bekas pegawai khas palsu slip gaji

JOHOR BAHRU – Bekas pegawai khas kepada mantan Menteri Besar Johor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan memalsukan slip gaji berjumlah lebih RM15,000, empat tahun lalu.

Tertuduh, Khairul Anuar Daud, 50, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut pertuduhan, Khairul Anuar didakwa telah memalsukan slip gaji syarikat penerangan tempatan bagi Mei 2018 atas namanya yang berjumlah RM15,820.63, dengan niat digunakan bagi tujuan menipu.

Perbuatan berkenaan didakwa dilakukan di Jabatan Pengurusan Sumber Manusia sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), di sini antara 26 Jun hingga 10 Julai 2018.

Pendakwaan dibuat mengikut

Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dayang Masneh Deh yang memohon ikat jamin sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin, pasport diserahkan dan perlu lapor diri di pejabat SPRM Johor Bahru setiap bulan.

Peguam Hazza Khalid dan Suraya Hani Abdul Halim memohon jumlah ikat jamin dikurangkan berikutan tiga anak tertuduh masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT).

Hakim kemudian memerintahkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain membenarkan semua permohonan pendakwaan.

Kes disebut semula pada 21 November depan.



KHAIRUL ANUAR dibenarkan ikat jamin RM10,000 selepas mengaku tidak salah palsukan slip gaji di Mahkamah Johor Bahru, semalam.

HARIAN METRO/29 SEPTEMBER 2022/KHAMIS/MUKA SURAT :13

4 pertuduhan terima suapan

Pegawai KDN didakwa dapat RM80k, motosikal sebagai balasan bantu syarikat dapat kontrak

Mohd Jamilul Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Shah Alam

Pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menerima suapan lebih RM100,000 daripada seorang kontraktor bagi mendapatkan kontrak Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tertuduh, Muhammad Syamsi Irwan Hawalit, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam di sini, semalam.

Dia dituduh atas empat pertuduhan menerima suapan bagi membantu syarikat kontraktor mendapatkan projek di Maktab PDRM Kuala Kubu, Selangor.

Muhammad Syamsi Irwan Hawalit, 47, didakwa menerima suapan wang tunai RM80,000 dan Motosikal Yamaha XMAX bernilai RM22,200 daripada seorang kontraktor sebagai balasan mendapatkan kontrak perolehan perkhidmatan pembersihan di Maktab PDRM Kuala Kubu Selangor

Suapan itu sebagai balasan mendapatkan kontrak perolehan perkhidmatan memotong rumput, mencuci pejabat, bilik kuliah dan parit bernilai RM 1,589,626.80



MUHAMMAD Syamsi Irwan (kiri) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tuduhan menerima rasuah.

yang dianugerahkan kepada syarikat milik kontraktor itu di Serdang dan Kajang, Selangor antara Jun 2017 dan 18 Mac 2019.

Ketika kejadian tertuduh adalah Penolong Setiausaha di Bahagian Perolehan KDN dengan Gred M44.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjaran maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah

suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Hakim Ruzilah Salleh membenarkan tertuduh diikat jamin RM60,000 dengan seorang penjamin bagi semua empat pertuduhan.

Mahkamah turut mengarahkan tertuduh melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM Selangor dan menyerahterahkan pasport kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 28 Oktober ini sebagai tarikh pengurusan kes. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Noralis Mat manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Nor Hafidzuddin.

Tertuduh diikat jamin RM60,000 dengan seorang penjamin

Kosmo! KHAMIS 29 SEPTEMBER 2022

Bekas Pengarah AADK Melaka mengaku bersalah

Makan suap RM400, kena denda RM3,000

Oleh DIYANATUL ATIQAH
ZAKARYA

MELAKA — Bekas Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Melaka, Mohamad Yusof Kameh didenda RM3,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku salah atas pertuduhan menerima suapan RM400 empat tahun lalu.

Hakim Elesabet Paya Wan menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh yang membuat pengakuan tersebut di atas pertuduhan pilihan kedua yang dibacakan juruhahaha mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai penjawat awam iaitu Pengarah AADK Melaka telah menerima untuk dirinya suatu benda berharga iaitu wang tunai RM400 tanpa balasan daripada Budayirif Rahmat yang

mana tertuduh mengetahui individu itu mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Perbuatan itu dilakukan di pejabat AADK di Ayer Keroh Melaka dalam daerah Melaka Tengah pada 22 Jun 2018.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau keduanya sekali mengikut Seksyen 165 Kanun Kesakaan.

Berdasarkan fakta kes, pada Mac 2018, tertuduh telah menghubungi Budayirif dan memanggilnya ke pejabat bagi mendapatkan perkhidmatan bekalan beg kertas.

Dalam perbincangan itu, tertuduh telah meminta agar Budayirif memberikan wang sebanyak RM400 untuk kegunaan pejabat AADK dengan cara menaikkan

sebut harga menjadi RM4,630 melalui Syarikat Mutiara Event Management & Supplies.

Terdahulu, tertuduh yang diwakili Peguam Datuk Naran Singh memohon agar hukuman berbentuk denda diberikan dengan alasan tertuduh telah memberikan perkhidmatan cemerlang selama 30 tahun berkhidmat iaitu sejak 1992 dan ralat apabila kejadian itu berlaku di akhir tahun persaraannya.

Tertuduh juga dikatakan telah insaf dengan kejadian tersebut yang mencemarkan namanya.

Pendakwaan yang dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Syakila Yaacob bagaimanapun memohon hukuman berat diberikan mengambil kira faktor kesalahan serius dan kepentingan awam.



MOHAMAD YUSOF (depan, kiri) dilirungi pegawai SPRM ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Melaka atas tuduhan menerima rasuah sebanyak RM400.

Didakwa terima suapan RM248,000 selama dua tahun
**Bekas pegawai kanan
Pos nafi makan suap**

Oleh DIYANATUL ATIQAH
ZAKARYA

MELAKA – Bekas Ketua Perancang Bahagian Pengurusan Pengangkutan Pos Malaysia Berhad dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 26 pertuduhan menerima suapan berjumlah keseluruhan RM248,000.

Tertuduh, Hazri Mokhtar, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Ele-
sabel Paya Wan.

Mengikut kesemua pertuduhan, tertuduh didakwa menerima suapan keseluruhan bernilai RM248,000 bagi membantu mempercepatkan bayaran oleh agensi itu kepada sebuah syarikat bagi kerja-kerja di Sabah dan Sarawak.

Kesemuanya wang suapan berjumlah antara RM5,000 sehingga RM15,000 itu diperolehi melalui

pindahan ke dalam dua akaun miliknya daripada syarikat itu.

Kesalahan itu dilakukan antara 8 Julai 2020 sehingga 11 Oktober 2021 di Bank Simpanan Nasional di Lot 779 Jalan Munshi Abdullah dan Maybank Melaka Main di Graha Peladang, Jalan Hang Tuah di sini.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum dengan bawah Seksyen 24 akta sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarा sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda atau nilai suapan, mengikut mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Timbalan Pendakwah SPRM Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan sebanyak RM50,000 dengan seorang penjamin serta syarat tam-

bahan tertuduh perlu menyerahkan pasport dan melaporkan diri ke pejabat SPRM Melaka setiap bulan.

Tertuduh yang diwakili peguam Mohammad Amir Alzat Abd. Rani merayu jaminan dikurangkan dengan alasan tertuduh tidak lagi bekerja di agensi itu dan hanya melakukan kerja-kerja kampung dengan pendapatan RM800 sebulan.

Tambahnya, dia juga menghidap sakit gout selain perlu menyembuhkan ayah mentua.

Selaras mendengar rayuan kedua-dua belah pihak, mahkamah membenarkan jaminan sebanyak RM35,000 dengan syarat penjamin adalah isteri tertuduh dan bersetuju dengan syarat tambahan dikemukakan pendakwaan.

Kes ditetapkan 2 November depan.



HAZRI didakwa atas 26 pertuduhan menerima suapan RM248,000 di Mahkamah Sesyen Melaka semalam.